

MEMBELA



MEMBINA ASAS YANG KUKUH DEMI MASA DEPAN YANG LEBIH HIJAU

Pada 30 Mei 2025, satu usaha penting bagi memulihkan alam sekitar telah dilaksanakan apabila Johor Plantations Group (JPG), dengan kerjasama Yayasan JCorp, Waqaf An-Nur, dan Pertubuhan Sahabat Hutan Bakau Pulau Tanjung Surat (PSHBTS), telah menanam 2,000 pokok bakau di Pulau Tanjung Surat, Kota Tinggi, Johor. Hutan bakau sering dianggap sebagai wira alam yang tidak didendangkan di pesisir pantai kita. Ia berperanan sebagai benteng semula jadi yang penting bagi mencegah hakisan, menyuburkan pelbagai kehidupan marin, serta memainkan peranan besar dalam penyerapan karbon. Dengan melindungi dan mengembangkan habitat penting ini, ia bukan sahaja menjaga kelestarian alam sekitar, malah turut meningkatkan daya tahan komuniti pesisir pantai kita.

Usaha bersama ini bukan sahaja meneruskan kejayaan program tahun sebelumnya, malah mengukuhkan lagi komitmen Johor terhadap pemeliharaan biodiversiti dan kelestarian alam sekitar dalam jangka masa panjang.

Inisiatif ini turut menyokong kempen *One Million Roots for the Future* (1MRFF) oleh JPG, yang menyasarkan lebih sejuta pokok ditanam bagi memulihara dan melindungi ekosistem pesisir Johor demi masa depan yang lestari.

Dalam masa sama, Yayasan JCorp turut menyumbang satu unit Papan Pintar Interaktif bernilai RM11,000 kepada SK Tanjung Surat bagi menyokong inisiatif pembelajaran digital di sekolah tersebut. Majlis tersebut telah diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, termasuk Tuan Haji Mohd Hanafi bin Samad, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor, YB Tuan Aznan bin Tamin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor merangkap ADUN Tanjung Surat, serta barisan kepimpinan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Waqaf An-Nur, dan JPG.



Objektif Program

- Menggalakkan penyertaan komuniti setempat dalam usaha memulihara hutan bakau dan memelihara alam sekitar.
- Meningkatkan bilangan pokok bakau yang ditanam bagi memulihara ekosistem pesisir pantai dan melindungi biodiversiti.
- Mengeratkan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi lain untuk memperkasa inisiatif alam sekitar.
- Menggunakan papan pintar untuk memperkaya pembelajaran alam sekitar dan memupuk kesedaran tentang kelestarian dalam kalangan pelajar.

Melibatkan
80 sukarelawan

JCorp dan Syarikat Dalam Kumpulan serta Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Impak Program

Sebanyak **2,000 pokok bakau** ditanam melalui program ini dan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **3,000 pokok bakau** telah ditanam di Pulau Tanjung Surat, Kota Tinggi di bawah kempen 1MRFF.

Papan Pintar Interaktif yang disumbangkan telah memberi manfaat kepada **29 orang pelajar**, sekali gus meningkatkan peluang pembelajaran digital mereka.



Imbas untuk menonton video mengenai Program Tanam Pokok Bakau di Pulau Tanjung Surat, Kota Tinggi

SDG yang berkaitan



Yayasan JCorp telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan inisiatif berimpak tinggi sepanjang tempoh ini. Komitmen kami terhadap pendidikan, kemampanan alam sekitar, pemeliharaan budaya, serta kesejahteraan komuniti kekal utuh. Kami beriltizam untuk meneruskan usaha-usaha ini demi mewujudkan masa depan Johor yang positif dan mampan.

Isi Kandungan

- | | | |
|-----------|---|-------------|
| 01 | Memperkasa Pendidikan
Pertumbuhan Pintar:
Meneroka STEM Menerusi Program
<i>Sustainable School</i> | 3 |
| 02 | Memperkaya Seni, Budaya & Warisan
Pentas Seni Johor @ B5 - Memang Meriah!
Meraikan Seni. Memperkasa Komuniti | 4
5 |
| 03 | Memelihara Alam Sekitar
Mencetus Langkah Bermakna:
Membersih Pantai @ Pantai Penyabong
Program Pandu Lalu Kitar Semula -
Lebih 1 Tan Bahan Kitar Semula Dikumpul
Tumbuh Bersama:
Pokok untuk Sekolah | 6
7
8 |
| 04 | Menjamin Kesejahteraan Komuniti
Raikan Syawal, Sebarkan Kebajikan | 9 |
| 05 | Aktiviti Kumpulan JCorp
<i>Walk a Payung 2025:</i>
Solidariti Sempena Hari Kesedaran Lupus | 10 |
| 06 | Kalendar Aktiviti | 11 |





PERTUMBUHAN PINTAR: MENEROKA STEM MENERUSI PROGRAM SUSTAINABLE SCHOOL

Yayasan JCorp terus komited dalam usaha memperkasa generasi muda menerusi Program *Sustainable School* - STEM yang memberi pendedahan kepada Pertanian moden dan lestari. Bagi merealisasikan usaha ini, dua buah rumah hijau pintar telah dibina di SMK Seri Medan, Batu Pahat dan SMK Buloh Kasap, Segamat menerusi kerjasama dengan Yayasan Sultan Ibrahim Johor. Pembangunan fasiliti berteknologi tinggi ini telah siap sepenuhnya, membolehkan kedua-dua buah sekolah menghasilkan tanaman yang lebih sihat dan konsisten sepanjang tahun, di samping menggalakkan kaedah penanaman yang mampan.

Bagi memastikan penggunaan optimum kemudahan ini yang memanfaatkan sistem *Internet of Things (IoT)* berteknologi tinggi, Sesi Latihan Percambahan Benih telah diadakan pada 15 dan 22 Mei 2025. Latihan ini dikendalikan oleh Urban Farm Tech, pembekal rumah hijau yang dilantik. Dalam sesi ini, guru dan pelajar diberi pendedahan tentang asas pertanian pintar serta teknik pratikal bagi menguruskan rumah hijau dengan berkesan. Latihan secara langsung ini penting untuk menggabungkan pembelajaran teori dengan amalan sebenar, sambil memberi inspirasi kepada generasi baharu dalam bidang agri-teknologi.



Objektif Program

- Meningkatkan pengetahuan guru dan pelajar mengenai konsep pertanian pintar.
- Memberi pendedahan praktikal kepada guru dan pelajar tentang teknik inovatif dalam percambahan biji benih dan pengurusan tanaman.
- Menyokong inisiatif pendidikan STEM di sekolah dengan mengintegrasikan unsur sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dalam aktiviti di luar bilik darjah.

Impak Program

RM100,000

telah disumbang oleh Yayasan Sultan Ibrahim Johor.

6
Rumah Hijau Pintar
telah disiapkan.

4,000

sayuran berdaun telah ditanam, menunjukkan hasil tanaman yang produktif.

43 pelajar
dan
10 guru

menerima latihan yang membina kemahiran penting dalam agri-teknologi.

Rumah hijau pintar mampu menjana lebih
RM1,000

setiap tuaian, membuktikan potensi ekonominya.





Objektif Program

Mempromosikan seni sebagai platform bagi para seniman, penggiat seni, komuniti seni dan artisan tempatan untuk berkarya serta memartabatkan seni dan budaya Johor.

Memperkasa ekonomi tempatan dengan memberi peluang kepada artis, penggiat seni dan artisan menjana pendapatan.

Menarik kehadiran pengunjung tempatan dan antarabangsa ke B5 Johor Street Market.



Impak Program

Penyertaan
40 artis dan
15 artisan tempatan.

Menarik lebih
1,000 pengunjung.

Pendapatan
RM20,000 dijana daripada acara sehari.



PENTAS SENI JOHOR @ B5 - MEMANG MERIAH!

Yayasan JCorp, melalui inisiatif Pentas Seni Johor, mempersembahkan Konsert Komuniti pada 21 Jun 2025 yang menampilkan kumpulan muzik tempatan dan *underground* dari Johor. Lebih 1,000 penonton membanjiri B5 Johor Street Market untuk menyaksikan konsert komuniti, sambil menikmati persembahan secara langsung daripada kumpulan tempatan seperti Teman Lelaki, Empty Page, Kicau Bilau, Keroncong Malam Jumaat, Godaense x Ekhodepth, Banyak Bunyi Republik, dan Plaque of The Happiness.

Selain persembahan muzik, acara ini menjadi platform untuk memperkasa seniman tempatan, mewujudkan peluang menjana pendapatan, serta meraikan seni dan budaya Johor yang meriah dengan kehadiran dan sokongan pencinta muzik.



Imbas untuk maklumat lanjut mengenai Pentas Seni Johor @ B5 Johor Street Market, Johor Bahru



MERAIKAN SENI. MEMPERKASA KOMUNITI.

Seramai 20,000 pengunjung membanjiri KotaJail dari 27 hingga 29 Jun 2025 bagi menyaksikan acara Pentas Seni Johor x Paso Rakyat, program anjuran Yayasan JCorp dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru dan KotaJail bagi meraikan semangat kreatif Johor. Inisiatif yang bertujuan mempromosikan kemeriahan budaya Johor ini menggabungkan warisan dan ekspresi moden sambil memperkasa ekonomi tempatan melalui seni, budaya, dan usahawan komuniti.

Acara tersebut menampilkan Malam Gembira Rakyat Jelata, sebuah segmen muzik yang penuh semangat dengan tujuh kumpulan tempatan Johor, iaitu Ramayan, Lasso, Shahrin & The Geng, B&D Acoustic, Akar Kayu, MRIP, dan Arep JAW A. Selain itu, penonton turut terhibur dengan persembahan budaya yang memukau seperti

Gemalai Tari, Kompang Asik dan Tarian Zapin yang memaparkan keindahan tradisi Johor kepada pengunjung.

Semua pengunjung turut berpeluang menikmati suasana meriah di Pasar Artisan yang menampilkan 15 usahawan tempatan yang menawarkan kraftangan buatan tangan, serta 20 penjaja makanan yang menyajikan hidangan tempatan yang penuh nostalgia sekali gus menyemarakkan lagi suasana acara.

Secara keseluruhan, acara ini berjaya menjana jualan sebanyak RM83,000, membuktikan bahawa ekspresi seni dan budaya yang pelbagai dapat memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan komuniti.



Objektif Program

- Mempromosikan seni sebagai platform untuk para seniman, penggiat seni, komuniti seni dan artisan tempatan untuk berkarya serta menengahkan seni dan budaya Johor.
- Memperkasa ekonomi tempatan melalui penajaan pendapatan untuk para seniman, penggiat seni dan artisan tempatan.
- Menarik kehadiran pengunjung tempatan dan antarabangsa ke Ibrahim International Business District (IIBD).

Impak Program

- Seramai **20,000** pengunjung membanjiri KotaJail dari 27 hingga 29 Jun 2025 bagi acara Pentas Seni Johor x Paso Rakyat.
- Pasar Artisan menampilkan **15** usahawan kreatif tempatan yang menawarkan kraftangan buatan tangan, manakala **20** penjaja makanan menyajikan hidangan tempatan yang penuh nostalgia.
- Acara ini berjaya menjana jualan sebanyak **RM83,000** melalui penglibatan para seniman, artisan, penjaja makanan, serta perniagaan sedia ada di KotaJail.

MENCETUS LANGKAH BERMAKNA: MEMBERSIH PANTAI @ PANTAI PENYABONG

SWM Environment Sdn Bhd, dengan kerjasama Yayasan JCorp dan Majlis Daerah Mersing, menganjurkan Program Pembersihan Pantai yang memberi impak besar pada 19 Jun 2025 di Pantai Penyabong, Mersing, Johor.

Bersama 120 sukarelawan dari SWM Environment Sdn Bhd, Yayasan JCorp, Johor Plantations Group Berhad, Majlis Daerah Mersing, Wentel Engineering, JStar Motion, serta pelajar-pelajar dari SK Penyabong, program ini berjaya mengutip sebanyak 420kg sisa, termasuk 170kg bahan boleh dikitar semula, menjadikan usaha ini bukti kukuh dalam melindungi pesisir pantai dan hidupan laut Johor.

Seiring dengan pembersihan tersebut, acara ini turut menyaksikan pelancaran pertandingan "Cabaran Botol Kaca Kitar Semula" yang bermula pada Julai 2025 dan melibatkan 60 sekolah di seluruh Johor. Pertandingan ini dilancarkan bagi menggalakkan generasi muda mengamalkan amalan kitar semula sejak awal usia.



Impak Program

120
sukarelawan telah menyertai program ini

420kg
Sisa berjaya dikumpulkan

Menjalinkan **6** kerjasama dengan beberapa organisasi



Objektif Program



Menggalakkan tanggungjawab terhadap alam sekitar melalui aktiviti pembersihan.



Mengutip dan mengumpul sisa bagi meningkatkan kebersihan dan mengindahkan kawasan pesisir pantai.



Menjalinkan kerjasama dengan beberapa organisasi bagi memperkukuh sokongan terhadap usaha-usaha memelihara alam sekitar yang berterusan.





PROGRAM PANDU LALU KITAR SEMULA - LEBIH 1 TAN BAHAN KITAR SEMULA DIKUMPUL

Sempena Komuniti Fest @ B5 Johor Street Market, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Yayasan JCorp, dan SWM Environment Sdn Bhd menganjurkan Program Pandu Laluan Kitar Semula yang berjaya mengumpul lebih satu tan pelbagai jenis barangan boleh dikitar semula termasuk e-waste, fabrik terpakai, tin aluminium, kaca, kertas, plastik dan lain-lain.

Selain itu, melalui kerjasama dengan JLG Zaquin, acara ini berjaya mengumpul lebih 240kg minyak masak terpakai yang akan diproses menjadi produk baharu, sekali gus membuktikan bahawa amalan mesra alam boleh bermula dengan langkah mudah di dapur.

Hospital Pakar KPJ Johor turut membuka ruang pameran dengan menawarkan pemeriksaan kesihatan percuma, perkhidmatan derma darah, serta pemeriksaan kesihatan mata berteknologi AI oleh Airdoc, sekali gus membuktikan bahawa kesihatan dan kemampuan mampu bergerak seiring.

Inisiatif ini menyokong misi MBBJ ke arah rendah karbon dan sifar sisa pada masa depan. Dengan sokongan setiap individu yang terlibat dalam aktiviti kitar semula, komuniti setempat serta semua pihak yang terlibat, kita telah berjaya melangkah setapak lagi dalam merealisasikan matlamat tersebut.



Objektif Program

Menggalakkan amalan kitar semula di peringkat isi rumah melalui penyertaan program pandu laluan.

Menggalakkan pelupusan minyak masak terpakai secara selamat.

Menyokong aspirasi MBBJ ke arah sifar sisa dan rendah karbon.

Impak Program

Lebih **1 tan** sisa berjaya dialihkan daripada tapak pelupusan.

240kg minyak masak terpakai dikumpulkan.

Sejumlah **6 tan** barangan kitar semula telah dikumpulkan sejak pelaksanaan program pandu laluan sepanjang tahun 2025.

TUMBUH BERSAMA: POKOK UNTUK SEKOLAH

Yayasan JCorp terus berusaha meningkatkan biodiversiti di sekolah-sekolah serta memupuk rasa cinta generasi muda terhadap alam sekitar melalui pelancaran program 'Growing Together: Trees for Schools' pada 26 Jun 2025 di Sungai Johor Eco Retreat (SUNJER), Ladang Basir Ismail. Inisiatif ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara langsung tentang kelestarian alam sekitar yang dijayakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Tinggi & Johor Plantations Group (JPG) yang merupakan sebahagian daripada inisiatif utama 1MRFF.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Encik Wan Adlin Wan Mahmood, Ketua Bahagian Komersial & Kemampanan, JPG, dan dihadiri oleh Encik Mohd Jefferin bin Saat, Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Selain itu, turut diadakan aktiviti penanaman pokok di tapak 1MRFF serta ceramah bertajuk "Tree Planting & Climate Change" yang disampaikan oleh Dr. Nur Bahiyah binti Abdul Wahab, Pensyarah IPG Kampus Temenggong Ibrahim.

Sebelum itu, semua sekolah yang mengambil bahagian telah menghadiri taklimat dalam talian serta bengkel kemampanan pada 25 Jun bagi memastikan mereka benar-benar bersedia. Bengkel ini bertujuan memberikan pelajar dan guru pengetahuan praktikal mengenai kelestarian dan penanaman pokok, sekali gus memupuk kesedaran alam sekitar serta menggalakkan pembelajaran secara amali.

Bengkel tersebut merangkumi tiga sesi utama iaitu, sesi pertama mengenai Pengenalan kepada Kemampanan, disampaikan oleh Encik Mohd Radzi Muhamad Dul dari Bahagian Kelestarian JPG; sesi kedua ialah *Waste to Wealth* yang menekankan aktiviti biokompos, dikendalikan oleh Dr. Huszalina Hussin, Pensyarah Kanan di Jabatan Biosains, UTM; dan akhir sekali tentang Biodiversity yang disampaikan oleh Dr. Wong Ee Phin, Penyelidik Utama bagi Management & Ecology of Malaysian Elephants (MEME) yang memperkenalkan pelajar kepada peranan gajah Malaysia dalam ekosistem, ancaman yang dihadapi, serta kepentingan melindungi kepelbagaian biologi.

Objektif Program

Menyediakan peluang pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti penanaman pokok.

Melibatkan sekolah dalam usaha pemeliharaan alam sekitar dan perubahan daya tahan iklim.

Menggalakkan amalan kelestarian melalui aktiviti penanaman dan penyelenggaraan pokok secara berterusan.



Impak Program

3 pakar

(Universiti Teknologi Malaysia; Management and Ecology of Malaysian Elephants; Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Johor) telah menyampaikan ceramah mengenai penanaman dan penjagaan pokok.

44 sekolah

telah mengambil bahagian dalam program tersebut menunjukkan penglibatan yang meluas.

6,938 pokok

telah ditanam, memberikan sumbangan yang signifikan kepada usaha pemuliharaan alam sekitar.

MBJB telah menyumbang sebanyak

7,000 unit

baja kompos, sekali gus membantu kesuburan tanah dan pertumbuhan pokok-pokok yang ditanam.



Imbas kod qr untuk menonton video 1 Million Roots for the Future: Trees for Schools

RAIKAN SYAWAL, SEBARKAN KEBAIKAN

Sempena sambutan Aidilfitri, Yayasan JCorp menghayati makna sebenar ihsan dan semangat komuniti melalui Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kumpulan JCorp #CaraKiter 2025 yang diadakan pada 15 April 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor.

Sebagai sebahagian daripada sambutan bermakna ini, Yayasan JCorp berbesar hati menerima kehadiran 30 tetamu istimewa termasuk kanak-kanak dari rumah anak yatim, individu dengan sindrom down dan warga emas sebagai tanda kasih sayang dan keprihatinan pada bulan yang penuh keberkatan. Kehadiran mereka memeriahkan suasana sekali gus mencipta detik-detik kebersamaan yang amat berharga.

Selaras dengan komitmen berterusan Yayasan JCorp terhadap kesejahteraan komuniti, sumbangan berjumlah RM40,000 telah disalurkan kepada tiga pertubuhan iaitu Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor (Rumah Barkat), Persatuan Sindrom Down Negeri Johor, dan Hospital Pakar KPJ Johor. Sokongan kepada KPJ Johor ini khususnya membantu program *Deep Brain Stimulation* yang bertujuan meningkatkan rawatan kesihatan neurologi bagi mereka yang memerlukan.



Objektif Program

- Mengukuhkan ikatan komuniti dengan meraikan Hari Raya bersama golongan kurang berkemampuan dan berkeperluan khas.
- Memberikan sambutan Raya yang bermakna dan penuh keceriaan kepada anak-anak yatim, warga emas, dan individu kurang upaya.
- Memberikan duit raya dan sumbangan tunai kepada tetamu dari rumah anak yatim, rumah warga emas, dan pusat penjagaan OKU.

Impak Program

RM3,000 telah disumbangkan kepada anak yatim, individu sindrom down dan warga emas seterusnya memberi kegembiraan kepada mereka.

RM40,000 telah disumbangkan kepada Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor (RUMAH BARKAT), Persatuan Sindrom Down Negeri Johor, dan Hospital Pakar KPJ Johor, sekali gus memberikan sokongan yang signifikan terhadap usaha penting mereka.

Sebagai tanda komitmen yang berterusan, sehingga kini Yayasan JCorp telah menyumbang sebanyak **RM103,000** kepada pertubuhan bukan kerajaan dan anak-anak yatim sempena sambutan Aidilfitri Kumpulan JCorp dari tahun 2022 hingga 2025.

Lebih **3,500** tetamu hadir ke acara tersebut merangkumi pelbagai pihak berkepentingan Yayasan JCorp, sekali gus meluaskan penglibatan komuniti.



Imbas kod qr untuk menonton video Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kumpulan JCorp #CaraKiter 2025

WALK A PAYUNG 2025: SOLIDARITI SEMPENA HARI KESEDARAN LUPUS

Sebagai tanda sokongan dan perpaduan terhadap perjuangan pesakit lupus, lebih 400 warga Johor telah menyertai acara "Walk A Payung 2025" sempena Hari Lupus Sedunia. Acara berjalan kaki sejauh kira-kira 5km di pusat bandar Johor Bahru ini dianjurkan oleh Hospital Pakar KPJ Johor dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang penyakit *Systemic Lupus Erythematosus* (SLE), iaitu sejenis penyakit autoimun yang kompleks, serta memperkukuh semangat solidariti masyarakat.

Sepanjang 30 tahun lalu, dianggarkan lebih 10,000 individu di Malaysia telah didiagnosis dengan SLE. Daripada jumlah itu, 90% adalah wanita, manakala selebihnya terdiri daripada lelaki dan kanak-kanak. Oleh kerana penyakit ini sering kali tidak menunjukkan tanda yang jelas, pemahaman mengenainya amatlah penting. Sebagai simbol sokongan, setiap peserta membawa payung berwarna ungu yang melambangkan perlindungan serta kesedaran terhadap penyakit lupus, di samping mewakili sensitiviti pesakit terhadap sinaran matahari yang boleh mencetuskan simptom. Pesakit, ahli keluarga, dan orang ramai turut mengenakan pakaian ungu sebagai tanda solidariti dan sokongan tidak berbelah bahagi kepada pesakit lupus.

Penyertaan yang menggalakkan daripada masyarakat Johor Bahru jelas mencerminkan komitmen bersama untuk memahami serta membantu mereka yang terjejas dengan penyakit ini. Selain aktiviti berjalan kaki, peserta turut diberi taklimat oleh Dr. Rachel Joshua Thudiyil, Pakar Perubatan Dalaman dan Reumatologi KPJ Johor, mengenai lupus dan kaedah penjagaannya. Sebagai nilai tambah, Hospital Pakar KPJ Johor juga menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma kepada semua peserta, sekali gus menggalakkan pengesanan awal dan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menjaga kesihatan.



Objektif Program

- Meningkatkan kesedaran dan pendidikan awam di Johor Bahru mengenai SLE serta kesannya terhadap kesihatan individu.
- Menggalakkan solidariti komuniti dan sokongan kepada pesakit Lupus serta ahli keluarga mereka.
- Menggalakkan pengesanan awal melalui pemeriksaan kesihatan percuma bagi memudahkan diagnosis dan rawatan awal penyakit Lupus.
- Meningkatkan pengetahuan awam mengenai simptom, rawatan dan pencegahan Lupus.



Mengukuhkan

reputasi Hospital Pakar KPJ Johor sebagai penyedia penjagaan kesihatan yang prihatin dan bertanggungjawab dari segi sosial.

Acara ini disertai lebih **400** peserta, sekali gus mencerminkan sokongan padu daripada komuniti.

Meningkatkan

kesedaran awam mengenai penyakit Lupus dan autoimun.

Impak Program

Meningkatkan

minat pesakit dan orang awam terhadap perkhidmatan perubatan Hospital Pakar KPJ Johor, yang bukan sahaja menyokong penjagaan kesihatan komuniti tetapi juga memperkukuh komitmennya sebagai penyedia perkhidmatan perubatan.

menggalakkan

Acara ini amalan pencegahan kesihatan melalui pemeriksaan percuma dan ceramah pendidikan

Mengeratkan

hubungan dengan pertubuhan tempatan, agensi kerajaan, dan orang awam.

SOROTAN SUKU KEDUA 2025: PENGLIBATAN DAN ACARA YAYASAN JCORP

Suku kedua tahun 2025 membuktikan usaha berterusan Yayasan JCorp dalam memajukan komuniti di seluruh Johor. Sepanjang tempoh ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan menerusi program pemeliharaan alam sekitar hingga sambutan perayaan dan aktiviti kemasyarakatan yang semuanya mencerminkan komitmen Yayasan JCorp untuk memperkayakan kehidupan masyarakat. Kejayaan pelbagai inisiatif ini juga terhasil melalui kerjasama erat dengan pelbagai pertubuhan penting. Melalui perkongsian kepakaran, tenaga kerja dan jaringan capaian, usaha bersama ini telah memberi impak yang signifikan dalam meningkatkan kualiti hidup serta memperkukuh keupayaan komuniti yang terlibat.





Yayasan JCorp bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) telah menganjurkan bengkel untuk mengkaji semula dan memperkemas Modul *Booster B1* di Fives Hotel, Johor Bahru.

Bengkel ini merupakan kesinambungan daripada sesi pertama yang meneruskan kemajuan yang telah dicapai sebelum ini untuk menambah baik dan memuktamadkan Modul *Booster B1*. Seperti sebelumnya, seramai 25 guru pakar Bahasa Inggeris berkumpul untuk menyumbangkan pandangan dan kepakaran mereka dalam usaha meningkatkan modul tersebut bagi memastikan modul yang dimuktamadkan memenuhi piawaian tertinggi dari segi kualiti dan keberkesanan. Melalui usaha sama daripada semua pendidik yang mengambil bahagian sepanjang sesi ini, modul ini direka secara optimum untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran dan keyakinan yang diperlukan untuk cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Bahasa Inggeris, menjadikannya alat pembelajaran yang berkesan dan praktikal, selaras dengan keperluan pelajar.



Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kumpulan JCorp #CaraKiter 2025 telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru.

Dalam majlis ini, Yayasan JCorp meraikan 30 tetamu istimewa termasuk kanak-kanak dari rumah anak yatim, individu dengan individu sindrom down, dan warga emas untuk berkongsi keberkatan Aidilfitri. Sumbangan berjumlah RM40,000 juga telah disalurkan kepada Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor (RUMAH BARKAT), Persatuan Sindrom Down Negeri Johor, dan Hospital Pakar KPJ Johor.



Seramai 20 pelajar telah menyertai sesi temuduga, saringan, dan orientasi bagi Akademi Dalam Industri (ADi) - Kohort 3, di SMK Tun Syed Nasir Ismail, Johor Bahru.

Semasa sesi tersebut, setiap pelajar menjalani ujian kebolehan untuk mengenal pasti kekuatan dan potensi mereka dalam bidang tertentu. Mereka juga menyertai Atuk Lego Challenge yang direka untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dan memupuk semangat berpasukan. Program ADi itu sendiri merupakan program dinamik yang menggabungkan pembelajaran di tempat kerja sebenar dan pusat latihan sekali gus menawarkan gabungan latihan praktikal serta pengetahuan teori. Pendekatan bersepadu ini akan memberikan pelajar permulaan yang kukuh dalam membina kemahiran dan keyakinan yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia sebenar.



Yayasan JCorp telah memperluas inisiatif Akademi Dalam Industri (ADi) meliputi sektor penjagaan kesihatan dengan kerjasama KPJ Healthcare Berhad dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Selatan. Selepas kejayaan pelaksanaan dalam sektor F&B bersama QSR Stores Sdn Bhd, peluasan terbaharu ini bermatlamat membekalkan pelajar dengan kemahiran profesional dalam bidang penjagaan kesihatan, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran dan kesiapsiagaan mereka untuk masa depan. Dengan kerjasama kukuh antara institusi akademik dan pemain industri, kurikulum berstruktur yang memberi tumpuan kepada gabungan teori dan latihan praktikal akan dibangunkan melalui bengkel komprehensif yang diadakan baru-baru ini di Menara KOMTAR JBCC, Johor Bahru. Bengkel ini dikendalikan oleh JPK Wilayah Selatan dengan sokongan daripada Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn, Johor Bahru, KPJ Healthcare College, Yayasan JCorp, dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ).



Yayasan JCorp telah menganjurkan Focus Group Discussion bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan UiTM Shah Alam di Cerebrum, Menara KOMTAR, JBCC. Sesi ini berperanan sebagai platform utama untuk membangunkan kerangka pendidikan yang inklusif, berimpak, dan mampan bagi masa depan Johor dengan fokus memperkukuh kemahiran asas 3R (Membaca, Menulis, Mengira), menangani isu pelajar SPM berhenti sekolah, serta memperluaskan sokongan pendidikan kepada komuniti Orang Asli. Dipimpin oleh Profesor Madya Dr. Norizan Jaafar dari Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS), UiTM Shah Alam, sesi ini menghimpunkan pakar, rakan strategik, dan pihak berkepentingan untuk memperhalusi idea serta membangunkan modul pelaksanaan strategik yang akan dilancarkan pada 2026. Melalui inisiatif seperti ini, Yayasan JCorp berusaha mewujudkan asas kukuh bagi sistem pendidikan yang lebih inklusif, responsif, dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.



Yayasan JCorp dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah mengalu-alukan delegasi dari National Institute of Education (NIE), Singapura, bagi lawatan ke sekolah terpilih bawah Program Sustainable School - STEM. Lawatan ini merupakan langkah penting dalam persiapan untuk STEM Symposium 2026 yang akan datang, di mana para pendidik akan berkongsi pandangan serta mempamerkan amalan inovatif dalam pendidikan kemampanan dan STEM. Melalui kerjasama berterusan dan inovasi, semua pihak akan bekerjasama untuk terus memperkasakan dan memberi inspirasi kepada generasi masa depan.



Yayasan JCorp telah menganjurkan Sesi Latihan Percambahan Benih untuk 20 pelajar dengan kerjasama Urban Farm Tech sebagai sebahagian daripada Program Sustainable School - STEM. Diketuai oleh Encik Francis Chuah, Ketua Pegawai Eksekutif Urban Farm Tech Sdn Bhd, sesi ini memperkenalkan pelajar kepada sains di sebalik percambahan benih dan pertanian, serta mempamerkan bagaimana teknologi IoT menyokong rumah hijau pintar. Guru-guru dan pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor serta Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat turut menyertai sesi ini. Latihan ini dilaksanakan selaras dengan penyediaan rumah hijau pintar yang baru-baru ini disumbangkan oleh Yayasan JCorp dan Yayasan Sultan Ibrahim Johor, yang bertujuan memberikan hasil berterusan serta teknologi masa depan di sekolah-sekolah.



Yayasan JCorp telah mengambil bahagian dalam kemeriahan Pasar Ria Charity Bazaar anjuran Persatuan Cerebral Palsy Johor (PSJ). Tahun ini Yayasan JCorp menyumbangkan baucar jualan bernilai RM10,000 bagi membantu mengumpulkan dana untuk operasi harian PSJ dan kebajikan pelajar. Sejak 2021, Yayasan JCorp telah menyalurkan hampir RM600,000 untuk menyokong misi persatuan ini, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam memajukan komuniti berkeperluan khas dan memastikan tiada sesiapa yang tercicir.



Yayasan JCorp telah menerima kunjungan daripada Lembaga Kemajuan Bintulu Sarawak ke hab kitar semula di B5 Johor Street Market, Johor Bahru. Delegasi ini, yang diketuai oleh Puan Lydia Soloma Jalong, Pengurus Keselamatan, Kesihatan dan Kemampunan, bersama pegawai dari IRDA dan MBBJ, meninjau bagaimana inisiatif komuniti di hab kitar semula B5 mengubah sisa harian menjadi sumber yang bernilai. Lawatan ini juga berperanan sebagai suatu sesi perkongsian ilmu dan penanda aras, dengan fokus kepada usaha kitar semula yang berkesan serta pengurusan sisa yang mampan, bagi meningkatkan kesedaran alam sekitar dan memberi inspirasi kepada penubuhan hab kelestarian komuniti di Bintulu, Sarawak.



Yayasan JCorp telah menganjurkan sesi Latihan Percambahan Benih secara praktikal untuk 23 pelajar dari SMK Buloh Kasap, Segamat, bawah Program Sustainable School - STEM. Dipimpin oleh Muhammad Rasyid Ikmal dari Urban Farm Tech, pelajar-pelajar mempelajari sains di sebalik percambahan benih serta bagaimana teknologi IoT terkini menyokong pertanian lestari melalui sistem rumah hijau pintar. Latihan ini dilaksanakan selaras dengan penyediaan rumah hijau pintar yang baru-baru ini disumbangkan oleh Yayasan Sultan Ibrahim Johor, yang bertujuan memberikan hasil lestari dan teknologi masa depan di sekolah-sekolah. Para pelajar mempelajari sains di sebalik percambahan benih serta bagaimana teknologi IoT terkini menyokong pertanian mampan melalui sistem rumah hijau pintar.



JLand Group Sdn Bhd telah menerima Anugerah Merit di Malaysia Landscape Architecture Award 15 (MLAA15) bagi projek Wad Iris di Kompleks Tunku Laksamana Johor. Anugerah ini, yang dikategorikan bawah CSR - *Green Initiative Awards*, telah disampaikan semasa *Malaysia Landscape Architecture Awards* di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur. Pengiktirafan ini menghargai kerjasama bermakna antara Yayasan JCorp dan JLand Group dalam menaik taraf dan mempertingkatkan Taman Rekreasi Wad Iris. Projek yang telah siap itu kini menjadi ruang penyembuhan yang aman dan tenang untuk lebih 200 pesakit kanser yang menjalani rawatan radioterapi di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru.



Yayasan JCorp telah menyumbangkan 600 set hidangan KFC untuk peserta Program Komuniti Madani - Kenduri Rakyat 2025. Program ini telah diadakan di SK Sri Telok, Parit Yaani, Batu Pahat, dengan penyertaan seramai 600 orang termasuk pelajar, guru, dan anggota komuniti setempat. Tumpuannya adalah untuk memupuk rasa cinta terhadap Malaysia dalam kalangan peserta, serta menanam penghargaan terhadap kepelbagaian dan budaya hormat-menghormati antara pelbagai kaum dan agama, seterusnya menyumbang kepada suasana kerjasama dan semangat saling menghargai. Acara ini juga berusaha untuk meneroka pelbagai budaya dengan mempersembahkan adat resam, makanan tradisional, dan pakaian masyarakat di Malaysia.



Yayasan JCorp telah menganjurkan Program Korban Kasih di Surau As-Sholawatil Hikmah, Taman Desa Mutiara, Johor Bahru. Program ini diadakan bersempena dengan Hari Raya Aidiladha dan bertujuan memperkukuhkan penglibatan komuniti. Yayasan JCorp telah menyumbang dua ekor lembu untuk ibadat korban yang memberi manfaat kepada 200 penerima asnaf dari komuniti sekitar serta membawa kegembiraan kepada sambutan Aidiladha mereka.



Yayasan JCorp telah bekerjasama dengan SWM Environment Sdn Bhd untuk menghasilkan perubahan yang nyata melalui program YOK! Bersih Pantai sebagai sokongan terhadap pemeliharaan alam sekitar dan penglibatan komuniti. Berlatarbelakangkan keindahan pantai Penyabong, para sukarelawan memainkan peranan penting dalam usaha ini yang bukan sahaja menyumbang kepada pembersihan pesisir pantai tetapi juga memperoleh pengalaman langsung dalam suatu tindakan mampan. Program ini turut merangkumi aktiviti audit sisa untuk meningkatkan pemahaman mengenai jenis-jenis sisa dan kesannya terhadap hidupan marin, menekankan kepentingan melindungi ekosistem pesisir pantai sambil memupuk semangat kesukarelawanan.



Majlis Bandaraya Johor Bahru, dengan kerjasama SWM Environment Sdn Bhd dan Yayasan JCorp, telah menganjurkan Program Kitar Semula Pandu Lalu sempena JB Komuniti Fest di B5 Johor Street Market, Johor Bahru. Antara barangan yang dikitar semula termasuk botol kaca, kertas, botol PET, fabrik, besi, e-waste serta minyak masak terpakai.



Pentas Seni Johor telah dianjurkan oleh Yayasan JCorp dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sempena Komuniti Fest di B5 Johor Street Market, Johor Bahru. Inisiatif ini turut melibatkan kumpulan komuniti, Tekan Tiga Creators dan JB Muzika di bawah penyelarasan MBJB, dengan penglibatan aktif artis tempatan.



Yayasan JCorp bersama DOW dan NARC (UiTM - Autism Research Centre) telah menaja pembinaan sebuah taman permainan baharu di Pusat NASOM Teluk Pulai, Klang. Bermula dengan perancangan sejak Disember lalu, projek ini direalisasikan dengan kerjasama komuniti setempat. Kini, taman tersebut menjadi ruang bermain, belajar dan berkembang bagi 44 kanak-kanak autistik berusia 7 hingga 13 tahun. Taman permainan ini turut menampilkan permukaan busa kitar semula yang dihasilkan daripada kasut terpakai. Inovasi daripada DOW ini menggunakan bahan berasaskan air yang lebih selamat dan rendah karbon berbanding getah tradisional, sekali gus menyokong perkembangan deria kanak-kanak sambil mengurangkan risiko kecederaan.



Program Growing Together - Trees for Schools telah dilancarkan di Sungai Johor Eco Retreat (SUNJER), Ladang Basir Ismail. Inisiatif berimpak tinggi ini bertujuan memberi pelajar pengalaman pembelajaran secara praktikal serta pemahaman mengenai isu kemampanan. Sebanyak 44 sekolah menerima 6,938 anak pokok dan 7,000 unit baja kompos, membolehkan mereka mengambil tanggungjawab terhadap ruang hijau masing-masing. Selain itu, sesi taklimat dan bengkel secara dalam talian turut diadakan untuk memperkukuh pengetahuan praktikal tentang penanaman pokok dan kesedaran alam sekitar.



Pentas Seni Johor x Paso Rakyat @KotaJail 2025, hasil kerjasama dengan KotaJail, telah berlangsung pada 27 - 29 Jun 2025 di KotaJail, Johor Bahru. Penyertaan strategik ini selaras dengan misi Yayasan JCorp yang lebih luas untuk memelihara warisan, memupuk ekspresi seni, dan menggalakkan penglibatan komuniti secara inklusif, sambil menyokong transformasi KotaJail menjadi hab yang dinamik untuk seni, budaya, dan semangat komuniti.

Kalendar Acara Akan Datang

Suku Ketiga hingga Suku Keempat 2025

Kami mengalu-alukan warga kerja dan sukarelawan awam untuk menyertai acara-acara akan datang yang disenaraikan dalam **tulisan tebal**.



Pendidikan	Tarikh
1. Majlis Perasmian: B1 Booster - ACE Your SPM English Module	21 Julai 2025
2. Majlis Perasmian Rumah Hijau Pertanian Pintar - SMK Sri Medan, Batu Pahat & SMK Buloh Kasap, Segamat	29 & 30 Julai 2025
3. Choral Speaking Peringkat Negeri Johor	19 & 20 Ogos 2025
4. Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Negeri Johor	3 - 4 September 2025
5. Majlis Graduasi Akademi Dalam Industri (ADI) - Kohort 1	9 September 2025
6. Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Kebangsaan	27 - 30 Oktober 2025



Seni, Budaya & Warisan	Tarikh
1. Pentas Seni Johor @KotaJail, IIBD, Johor Bahru	1 - 3 Ogos 2025
2. Inisiatif Galeri Seni Yayasan JCorp @ Hospital Pakar KPJ Kajang	15 Ogos 2025
3. Heritage In Motion : Pelancaran Kolaborasi Kain Benang Johor - Yayasan JCorp x Yayasan Warisan Johor	September 2025
4. Kita Serumpun! @B5 Johor Street Market, Johor Bahru	September 2025
5. Pentas Seni Johor x Keretapi Sarong 2025 @ Kluang, Johor	13 September 2025
6. Wonderful Nusantara Festival	Oktober 2025



Alam Sekitar	Tarikh
1. Seagrass Ecotourism Experience @ Pulau Setindan, Mersing	1 & 2 Julai 2025
2. Majlis Pelancaran: Cabaran Kaca Pun Boleh	17 Julai 2025
3. Program Pemulihan Terumbu Karang @ Pulau Aur	18 - 20 Julai 2025
4. Projek Hidupan Liar Sindora	Ogos 2025
5. Pemasangan Tenaga Solar di Sekolah Luar Rangkaian @ Sekolah Agama Tunjuk Laut, Kota Tinggi	September 2025
6. Gotong Royong Pembersihan Pantai, Kerjasama dengan Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang @ Pulau Mawar, Mersing	September 2025
7. Penanaman Pokok Bakau @ Parit Kassim, Muar	11 September 2025
8. Pelancaran Hab Kitar Semula Hospital Pakar KPJ Bandar Maharani	8 November 2025



Kesejahteraan Komuniti	Tarikh
1. Bengkel Kemahiran Yayasan JCorp untuk Golongan Kelainan Upaya	21 Julai 2025
2. Saringan Awal bagi Individu Berkeperluan Khas & Isu Kesihatan Mental Kanak-kanak	7 - 20 Ogos 2025
3. Laksamana Run	Oktober 2025
4. Pinktober Run	Oktober 2025
5. Bengkel Autisme	November 2025



YAYASAN JOHOR CORPORATION


Level 18, Menara KOMTAR
80888 Ibrahim International Business District
Johor Darul Ta'zim, Malaysia


Emel: yayasanjcorp@jcorp.com.my


yayasanjcorp.com.my

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp